

11/04/1997

Tidak beli Fokker tanpa kajian: PM

Radzi Wahab

SUBANG, Khamis - Malaysia tidak akan mengambil alih kepentingan dalam NV Fokker jika syarikat pengeluar pesawat tertua di dunia itu tetap berkeras enggan membenarkan akaun kewangan dan auditnya diperiksa.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, urusan pembelian saham syarikat yang berpangkalan di Belanda itu akan membabitkan berjuta ringgit wang rakyat dan kerana itu, kajian menyeluruh terhadap kedudukan mereka perlu dilakukan.

"Kalau kita tidak dapat membuat penelitian, kita tidak akan beli. Takkan nak beli. Bukannya 10 sen atau RM1. Ini membabitkan berjuta-juta duit negara," katanya kepada pemberita setibanya dari lawatan kerja ke Kuwait, Bahrain dan Pakistan, di sini, pagi ini.

Kepulangan Perdana Menteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah disambut oleh Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menteri-menteri, timbalan menteri serta pemimpin parti komponen Barisan Nasional.

Fokker yang mengeluarkan kapal terbang sejak 1919, diisytiharkan bankrap pada 15 Mac tahun lalu apabila pemegang saham terbesarnya, Daimler Benz AG dari Jerman menarik diri bersama saham bernilai RM3.75 bilion.

Semalam, Anwar berkata, pendirian kerajaan dalam soal itu ialah tiada komitmen kewangan akan dibuat tanpa kajian menyeluruh terhadap syarikat terbabit.

"Kalau ada kerumitan dalam penelitian dari segi kewangan dan audit itu, sukar bagi kita meneruskan minat untuk menyertai proses menyelamatkan Fokker," katanya.

Mengenai lawatan ke Kuwait dan Bahrain, Dr Mahathir berkata, beliau berpuas hati kerana banyak perkara diperbincangkan yang akan turut membabitkan tindakan susulan.

Lawatan Perdana Menteri ke dua negara Teluk itu antara lain bertujuan mempertingkatkan hubungan perdagangan serta menggalakkan kerjasama antara ahli perniagaan Malaysia dan negara terbabit.

Mengenai persinggahannya ke Pakistan, Dr Mahathir menjelaskan beliau ke sana kerana tidak dapat menghadiri sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Karachi, semalam.

Dalam kunjungan singkat itu, beliau menemui rakan sejawatannya di Pakistan, Nawaz Sharif.

Menurutnya, Nawaz Sharif yang baru dipilih semula buat penggal baru itu menunjukkan minat untuk meningkatkan hubungan dengan Malaysia.

"Sehubungan itu, Pakistan mungkin menghantar pegawai dan ahli politik untuk mengkaji cara kita membangunkan negara ini," katanya.

(END)